

Bil. (2) dlm. P.Kew.N.Pk.D.R. 50/1/4-3



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 1 TAHUN 2018**

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**KUASA MELULUS BAGI KUTIPAN BAYARAN BALIK EMOLUMEN YANG
TERLEBIH DIBAYAR SECARA ANSURAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Jabatan/Agensi berhubung kuasa melulus bagi kutipan bayaran balik emolumen yang terlebih dibayar secara ansuran bagi pegawai perkhidmatan awam pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

LATAR BELAKANG

2. Arahan Perbendaharaan [AP327(b)], pindaan bertarikh 2 Julai 2015 menyatakan bahawa *'Jika penerima bayaran itu seorang Pegawai Awam, Pegawai Pengawal boleh membenarkan pegawai itu memulang balik pembayaran lebih itu dengan ansuran bulanan dengan syarat bayaran balik sepenuhnya dilakukan dengan secepat mungkin dan tidak lewat dari 60 bulan selepas bayaran lebih itu diketahui atau sebelum pegawai itu meninggalkan perkhidmatan Kerajaan mengikut mana yang lebih awal, kecuali dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan. Jika pulangan balik dengan ansuran diluluskan, suatu **Permohonan Pendahuluan Diri** hendaklah dibuat dari Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama penerima bayaran yang berkenaan bagi melaraskan akaun yang berkenaan. Ansuran bulanan itu hendaklah dikredit kepada Akaun Pendahuluan.*

3. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pemantauan, Pejabat Kewangan Negeri melalui surat Bil. (89) dlm. P.Kew. N. PK. DR. 5/62 bertarikh 6 Mei 2016 telah menetapkan agar semua arahan potongan gaji bagi emolumen yang terlebih dibayar perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk kelulusan.

4. Pada ketika ini, banyak bayaran balik dibuat tanpa menggunakan Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri (KWAPD). Amalan ini tidak tepat dengan kehendak AP327(b) dan ia menyukarkan pemantauan pembayaran balik tersebut.

PENETAPAN KUASA MELULUS KUTIPAN BAYARAN BALIK EMOLUMEN YANG TERLEBIH DIBAYAR SECARA ANSURAN

5. Selaras dengan pindaan AP327(b) pindaan bertarikh 2 Julai 2015 dan bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan sedia ada, kuasa melulus kutipan bayaran balik emolumen yang terlebih dibayar secara ansuran adalah ditetapkan seperti berikut:

Bil	Tempoh Bayaran Balik	Kuasa Melulus	Catatan
5.1.	Bayaran sehingga 60 bulan.	Pegawai Pengawal. <i>Akaun Pendahuluan Diri hendaklah dibuat atas nama pegawai berkenaan [AP327(b)]</i>	Permohonan pendahuluan diri perlu dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri Perak dengan syor bayaran yang munasabah dari Pegawai Pengawal.
5.2.	Bayaran melebihi 60 bulan atau mana - mana ansuran yang tidak menggunakan pendahuluan diri.	Pejabat Kewangan Negeri	Mana - mana permohonan pengecualian dari AP327(b) perlu dikemukakan justifikasi yang jelas dan disokong dengan dokumen-dokumen yang disahkan.

6. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan dan semakan dari semasa ke semasa maklumat-maklumat emolumen pegawai dan kakitangan di Jabatan masing-masing bagi mengelakkan pembayaran terlebih dibayar. Kutipan bayaran balik emolumen terlebih bayar secara ansuran yang tidak mematuhi ketepatan AP327(b) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

7. Pegawai Pengawal juga dikehendaki untuk memastikan Jabatan/Agensi melaksanakan pembayaran dengan betul dan tepat serta kutipan balik emolumen dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Tindakan surcaj boleh diambil terhadap mana-mana pegawai atau kakitangan yang didapati cuai dalam menjalankan tugas sepertimana yang tertakluk kepada peruntukan AP 327 (e).


TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABU BAKAR BIN HAJI SAID)

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 31 Oktober 2018